

03 OCT 1996

PERDANA MENTERI LANCAR MOTOSIKAL NASIONAL

GURUN, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini merasmikan kilang Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) di sini dan melancarkan motosikal nasional berkuasa 110cc yang akan mula dipasarkan bulan depan.

Beliau juga mengisytiharkan nama motosikal itu, Kriss.

Modenas adalah usahasama antara DRB-HICOM (55 peratus kepentingan ekuiti), Khazanah Nasional (15 peratus), Kawasaki Heavy Industries (19 peratus) dan Nissho Iwai Corporation (11 peratus).

Pada peringkat permulaan, Modenas mengeluarkan motosikal empat lejang dalam dua model - yang menggunakan penghidup enjin elektrik dan model penghidup enjin manual menggunakan tendangan kaki yang ditawarkan dalam tiga warna iaitu merah, biru dan hijau.

Upacara gilang gemilang ini disaksikan hampir 10,000 jemputan termasuk Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz. -- BERNAMA

MFJ AKD